

Alam sekitar jadi medium pengajaran pelajar PPG UMS

UB 23/05/2012 AIS
KOTA KINABALU: Pendidikan luar telah diamalkan secara menyeluruh dalam sistem pendidikan formal di Malaysia.

Selain menjadi mata pelajaran akademik, pendidikan luar juga dipraktikkan oleh pelajar IPT melalui pengenalan kursus kokurikulum bercredit, penubuhan persatuan dan kelab yang berfokuskan aktiviti lasak dan penganjuran program khusus oleh pihak KPT.

Kesemua usaha murni ini bermatlamat untuk mewujudkan sebuah negara bangsayangmajudanharmuni selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Konsep 1Malaysia.

Sehubungan dengan itu, dalam Program PPG, major sains dan minor pendidikan jasmani, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah telah menganjurkan sesi amali dalam kursus Sukan Sepanjang Hayat dan Rekreasi dengan menggunakan alam



PESERTA Program Amali PPG, UMS merakamkan album kenangan.

semulajadi bagi menjana penghasilan graduan yang kompeten dan berdayasaing.

Program selama 3 hari 2 malam yang dilaksanakan baru-baru ini, disertai seramai 71 orang pelajar yang dibantu oleh 5 orang fasilitator daripada pelajar sains sukan UMS dan diiringi pensyarah Hasnol Noordin.

Menurut Hasnol, program ini dapat meningkatkan kemahiran insaniah dalam diri pelajar di samping para pelajar dapat memahami kepentingan sukan dan rekreasi selain diberi

pendedahan secara terus mengenai asas perkhemahan dan aktiviti luar.

Sementara itu, Mohamad Nizam Nazarudin, pensyarah yang turut menghasilkan modul kursus ini berkata, matlamat program ini adalah untuk membantu pelajar dalam mempertahankan diri pada masa kecemasan dan mengaplikasikan langkah-langkah serta asas sains yang sesuai dengan keadaan atau situasi tertentu.

Katanya, selain itu, program ini juga menerapkan aplikasi amali untuk kursus ini dan mendedahkan para pelajar kepada asas

perkhemahan dan aktiviti luar.

Pengarah program, Jenry Saiparudin pula percaya bahawa program ini sangat membantu para pelajar memahami dengan lebih mendalam mengenai kursus tersebut.

Beliau juga berpuas hati dengan semangat kerjasama oleh para pelajar dalam menjayakan program ini.

"Dan ribuan terima kasih kepada para pensyarah kerana memberi tunjuk ajar dan bimbingan dalam setiap aktiviti yang dilakukan," katanya semasa majlis penutupan program itu.

Dalam program ini, pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk memudahkan pelaksanaan aktiviti yang telah ditetapkan.


Aktiviti utama dalam program ini ialah 'jungle trekking', 'rafting', dan 'flying fox', manakala aktiviti sampingan seperti senam aerobik, sukaneka, dan malam kebudayaan menambahkan lagi perisian

di dalam program tersebut.


Perjalanan aktiviti bagi program ini bermula di tapak perkhemahan UMS/ODEC bagi aktiviti 'jungle trekking' pada hari pertama dan pada hari berikutnya diadakan di Kem Malangang, Pusat Kokurikulum Sabah bagi

aktiviti 'rafting' dan 'flying fox'.


Seterusnya program berakhir pada sebelah pagi di tapak perkhemahan UMS/ODEC bagi majlis perasmian penutupan dan penyampaian hadiah kepada setiap kumpulan.



PESERTA membuat persiapan pakaian keselamatan untuk aktiviti flying fox.



FASILITATOR memberi taklimat sebelum melakukan senam aerobik.



JUNGLE trekking aktiviti yang diminati oleh peserta program.